

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1500, Selasa, 6 Januari 2026



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PELAKSANAAN BANCİ EKONOMI 2026 DI DAERAH SEPANG, NEGERI SELANGOR

JANUARI 2026

Banci Ekonomi 2026 turut meliputi 100,000 pertubuhan perniagaan sektor informal termasuk 15,000 pertubuhan perniagaan di Selangor

SELANGOR, 6 JANUARI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaklumkan bahawa Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) sedang dilaksanakan di seluruh negara mulai 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. Pemakluman ini turut disampaikan bersempena pelaksanaan program libat urus komuniti dan agensi di Medan Selera Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang yang melibatkan beberapa peniaga di sekitar kawasan dan juga agensi daerah seperti Majlis Perbandaran Sepang, Pejabat Daerah dan Tanah Sepang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sepang.

Pelaksanaan sesi ini merupakan satu platform strategik yang bertujuan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran mengenai pelaksanaan Banci Ekonomi 2026. BE 2026 merupakan banci keenam sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2001 dan menjadi sumber utama dalam penghasilan statistik struktur ekonomi negara yang merangkumi semua aktiviti ekonomi termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pertubuhan perniagaan, pertubuhan tidak berasaskan keuntungan serta sektor informal. Selangor merekodkan sejumlah 308 ribu pertubuhan dengan 74.1 peratus **pertubuhan mikro, pertubuhan kecil (24.6%), pertubuhan sederhana (1.5%) dan pertubuhan besar (4.7%)** iaitu sektor Perkhidmatan merekodkan peratusan

tertinggi sebanyak 83.8 peratus (258,909 pertubuhan). Dianggarkan 100,000 pertubuhan perniagaan sektor informal turut diliputi di seluruh Malaysia dengan 15,000 pertubuhan perniagaan adalah di Selangor. Pertubuhan perniagaan ini termasuk aktiviti penjaja makanan dan minuman, homestay serta penjaja di pasar tani, pasar malam, *car boot sales* dan pasar tamu.

Pelaksanaan BE 2026 ini bertujuan mengumpul maklumat komprehensif mengenai prestasi dan struktur ekonomi negara bagi tahun rujukan 2025. Melalui pengumpulan data menyeluruh daripada pertubuhan di seluruh negara, banci ini akan memberikan gambaran sebenar mengenai tahap aktiviti ekonomi, sumbangan dan produktiviti setiap sektor. Selain itu, prestasi pertubuhan juga dapat dinilai dari masa ke semasa oleh agensi-agensi yang berkaitan melalui banci ini.

Dapatan BE 2026 akan menjadi input utama kepada pelbagai dasar dan agenda pembangunan negara antaranya Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), agenda Ekonomi Digital, Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), dasar fiskal dan monetari serta pelan pemerkasaan PMKS dan Bumiputera. Data ini membantu menilai keberkesanan dasar sedia ada serta mengenal pasti hala tuju baharu bagi pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan.

Daerah Sepang merupakan salah satu pusat pertumbuhan ekonomi yang penting di Selangor dan mempunyai struktur ekonomi yang pelbagai, disokong oleh kepentingan infrastruktur strategik seperti Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan Cyberjaya yang berperanan sebagai hab *aviation*, logistik, perkhidmatan dan teknologi tinggi. Aktiviti perniagaan di daerah ini bukan sahaja tertumpu kepada perkhidmatan dan perdagangan, malah menarik pelaburan besar melalui projek teknologi dan industri seperti Zon KLIA Aeropolis serta Selangor Aero Park yang dirancang untuk menjadi pusat aeroangkasa, logistik dan pembuatan berkemahiran tinggi, sekali gus menghasilkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi.

Aktiviti PMKS di Sepang tertumpu di kawasan seperti Dengkil, Kota Warisan, Salak Tinggi dan sekitar Sungai Pelek yang meliputi perkhidmatan sokongan logistik, runcit, makanan & minuman, penginapan dan penyelenggaraan. Kehadiran ekosistem industri berskala besar mewujudkan limpahan ekonomi

(*spillover effect*) yang merangsang pertumbuhan PMKS tempatan sebagai pembekal dan penyedia perkhidmatan sokongan. Sebanyak 11,622 pertubuhan akan diliputi dalam BE 2026 di Sepang yang terdiri daripada **pertubuhan mikro (75.1%), pertubuhan kecil (16.2%), pertubuhan sederhana (1.1%) dan pertubuhan besar (7.6%)**. Dari segi pecahan mengikut sektor pula, Perkhidmatan mencatatkan peratus tertinggi iaitu sebanyak 85.0 peratus (9,879 pertubuhan), diikuti sektor Pembinaan sebanyak 8.8 peratus (1,025 pertubuhan), sektor Pembuatan sebanyak 4.8 peratus (553 pertubuhan) dan Pertanian sebanyak 1.3 peratus (146 pertubuhan).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, berkata, "Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 akan dilaksanakan melalui tiga (3) fasa. Fasa Pertama bermula dari 5 Januari hingga 28 Februari 2026, yang memberi tumpuan kepada pengumpulan data bagi pertubuhan sektor informal dan mikro. Seterusnya, Fasa Kedua yang berlangsung dari 1 Mac hingga 30 Jun 2026 merupakan tempoh utama pengumpulan data melibatkan pertubuhan mikro, kecil dan sederhana. Fasa Ketiga pula akan dilaksanakan dari 1 Jun hingga 31 Oktober 2026, melibatkan pengumpulan maklumat daripada pertubuhan sederhana dan besar."

Kaedah pengumpulan data bagi pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 akan dilaksanakan melalui empat pendekatan utama untuk memastikan ketepatan dan keberkesanan proses pengumpulan maklumat. Kaedah tersebut merangkumi pengisian borang secara atas talian (e-BE), penghantaran borang melalui pos, komunikasi menggunakan e-mel atau telefon, serta temu bual secara bersemuka.

Selaras dengan tema "Data Nadi Ekonomi Rakyat", BE 2026 memberikan manfaat kepada rakyat dan negara seperti maklumat pasaran terkini bagi perancangan perniagaan, penanda aras prestasi industri, menilai daya saing pertubuhan PMKS, Bumiputera, belia dan milikan wanita serta analisis ekonomi granular sehingga peringkat daerah. DOSM menyeru semua pertubuhan perniagaan dan pertubuhan tidak berasaskan keuntungan di seluruh Malaysia termasuk negeri Selangor untuk memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang tempoh banci bagi memastikan keberhasilan statistik yang tepat dan berkualiti demi kemajuan ekonomi negara.

OpenDOSM NextGen merupakan platform data terbuka Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menyediakan katalog data berstruktur serta visualisasi analitik interaktif bagi menyokong proses penerokaan, analisis dan interpretasi statistik rasmi. Platform ini membolehkan pengguna mengakses, mengekstrak dan memanfaatkan pelbagai set data merangkumi aspek demografi, sosial dan ekonomi melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
6 JANUARI 2026**